



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 6 FEBRUARI 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	INOVASI PRODUK BERASASKAN MIKROB, KAWAL PENYAKIT TANAMAN, VARSITI, BH -8	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
2.	HSN1, DEMAM BABI AFRIKA TIDAK BERI IMPLIKASI BESAR, SH -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
3. 4.	TANGANI SEGERA ISU BUBU NAGA, NASIONAL, SH -20 KG JELATOK TEMPAT ASAL DURIAN KUNYIT, NEGERI, HAKAH -N13	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Inovasi produk berasaskan mikrob, kawal penyakit tanaman

Inovasi

Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan syarikat Arif Efektif Sdn Bhd menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) bagi menjalankan penyelidikan bersama dalam membangunkan produk biotestari untuk pertanian, baru-baru ini.

Pada majlis itu, UTM diwakili Naib Canselornya, Prof Datuk Ir Dr Wahid Omar manakala Arif Efektif Sdn Bhd diwakili Pengurusinya, Datuk Dr Abd Shukor Abd Rahman.

Prof Wahid berkata, kerjasama itu membabitkan projek pembangunan platform penyelidikan mikrob untuk industri pertanian bagi projek *Bioprocess Optimization and Scale Up Studies on Microbial Strains Cultivation* selama dua tahun yang bernilai RM264,000 serta telah memulakan operasinya bermula 1 April tahun lalu.

"Dalam kerjasama sebelum ini, kami berjaya menterjemahkan penemuan makmal kami dan hasil penyelidikan ke dalam produk yang berdaya maju untuk aplikasi pertanian.

"Kerjasama ini memasuki fasa baharu yang memberikan pene-

kanan kepada pembangunan pengeluaran yang cekap dan bersepadu menerusi penerapan strain mikrob baharu untuk aplikasi kawalan biologi," katanya ketika berucap pada majlis berkenaan di Bangunan Canselori Sultan Ibrahim, UTM Kampus Johor Bahru, baru-baru ini.

Yang turut hadir ialah Ketua Pegawai Eksekutif Arif Efektif Sdn Bhd, Wan Azha Wan Kamarudin dan Pengarah Institut Pembangunan Bioproduct (IBD) UTM, Prof Dr Hesham Ali El-Ensbasy.

Menjelaskan lebih lanjut, Prof Wahid berkata, kerjasama itu dilihat tepat pada masanya dan amat signifikan kerana industri kini berkolaborasi dengan institusi pendidikan untuk aktiviti penyelidikan serta pembanguan yang lebih komprehensif, demi manfaat bersama.

"Saya percaya bahawa IBD adalah satu daripada 18 Pusat Kecemerlangan (HiCoE) di Malaysia dengan kepakaran dalam pengoptimuman bioproses dan pengeluaran metabolit bioaktif secara besar-besaran akan memenuhi keperluan industri untuk penyelidikan serta perkhid-



Prof Ir Dr Wahid (dua dari kanan) dan Dr Abd Shukor (dua dari kiri) pada Majlis MoU untuk kerjasama penyelidikan yang diadakan di UTM Kampus Johor Bahru, baru-baru ini.

matan perundingan.

"Kerjasama ini juga diyakini dapat memacu gelombang baharu pembangunan bertaraf dunia dalam bioteknologi dan memanfaatkan kekuatan masing-masing untuk menerajui penyelidikan dalam bidang ini," katanya.

Projek biotestari terbabit dijalankan sekumpulan penyelidik IBD dengan diketuai Prof Dr Hesham di mana UTM berperanan untuk meningkatkan keberkesanan produk pertanian yang akan dihasilkan syarikat menggunakan sumber berasaskan mi-

krobiologi untuk kelestarian. Produk berkenaan juga adalah untuk menggantikan penggunaan bahan kimia toksik yang digunakan secara mehas bagi mengawal penyakit terhadap tanaman berbahaya kepada kesihatan manusia serta haiwan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/2/2020	SINAR HARIAN	ONLINE	

H5N1, demam babi Afrika tidak beri implikasi besar



Wabak selesema burung H5N1 dikesan melanda China dan turut menyerang babi.

SHAH ALAM - Ketika China termasuk Malaysia dan beberapa negara lain sedang bergelut menangani penularan wabak koronavirus, dua lagi wabak selesema burung H5N1 dan demam babi Afrika (ASF) masing-masing pula dikesan melanda China dan Filipina. Bagaimanapun, kehadiran tambahan dua wabak itu dilihat tidak memberi impak besar sehingga boleh memburukkan keadaan sedia ada ketika ini.

Dekan Fakulti Perubatan Veterinar, Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Dr Abdul Rahman Omar berkata, tiada implikasi besar kepada negara kerana ketiga-tiga jangkitan wabak itu berbeza dan menyerang sektor haiwan berbeza.

Beliau yang pakar dalam bidang imunologi dan Penyakit Berjangkit

Haiwan berkata, setakat ini, koronavirus didapati memberi kesan lebih kepada manusia sahaja dan tidak mungkin menjangkiti haiwan ternakan seperti lembu dan kambing.

Selain itu katanya, tiada bukti yang menunjukkan kucing dan anjing boleh dijangkiti dengan wabak tersebut.

Menurutnya, kerajaan China juga setakat ini masih belum dapat memastikan haiwan hidupan liar yang mana adalah pembawa atau perumah perantara kepada wabak ini tetapi yang pasti wabak virus ini berasal dari kelawar.

"Bagi penyakit H5N1 pula ia hanya menyerang ayam dan dalam sesetengah kes turut menjangkiti khinzir. Kes berkaitan penyakit ini memang lazim berlaku di China dan beberapa negara lain di Asia.

"Di Malaysia kes terakhir H5N1 berlaku di Sabah pada 2018 namun pada masa sekarang, Malaysia bebas dari H5N1," katanya ketika dihubungi Sinar Harian semalam.

Dr Abdul Rahman Omar



Pada 2 Februari lalu, Channel News Asia melaporkan, Kementerian Pertanian dan Hal Ehwal Luar Negeri China mengesahkan kes H5N1 berlaku di ladang Shaoyang, wilayah selatan Hunan yang menempatkan 7,850 ayam yang mana 4,500 daripadanya mati akibat selesema burung.

Susulan itu, pihak berkuasa tempatan mengambil langkah memusnahkan 17,828 ayam secara keseluruhan termasuk menyediakan langkah pencegahan yang perlu untuk mengatasi wabak itu.

Dalam pada itu, Abdul Rahman berkata, H5N1 ini adalah zoonotik bermaksud walaupun menjangkiti haiwan seperti ayam tetapi ia juga boleh menjangkiti manusia yang terdedah kepada ayam yang membawa virus itu.

Beliau berkata, lazimnya jangkitan ayam kepada manusia kadangkala

sukar berlaku tetapi jika manusia dijangkiti, amat sukar untuk merebak antara manusia ke manusia.

"Ia tidak mudah merebak seperti wabak koronavirus tetapi sekiranya menjangkiti manusia, H5N1 boleh menyebabkan kadar kematian tinggi," katanya memberitahu wabak H5N1 dalam ayam juga mempunyai vaksin untuk menanganinya.

Sementara itu Abdul Rahman memberitahu, ASF pula menyerang babi dan ia tidak bersifat zoonotik dan tidak boleh menjangkiti manusia.

Beliau berkata, ASF hanya menjangkiti babi dan disebabkan itu Malaysia sudah tidak mengimport produk haiwan itu dari negara yang dikesan berlaku ASF serta meningkatkan pemeriksaan di pintu masuk negara kemasukan daging dan produk khinzir dari negara berisiko ASF.

"Itu adalah antara langkah dibuat kerajaan bagi mengekang kemasukan virus ASF dan sehingga kini, tidak merekodkan sebarang kes berkaitan dan Malaysia bebas dari ASF," katanya.

Di Filipina turut direkodkan kes pertama ASF yang dikesan di wilayah Davao Occidental serta di kawasan lain di Mindanao pada 2 Februari lalu.

Tangani segera isu bubu naga

KEMAMAN - Kerajaan digesa menyelesaikan segera isu bubu naga yang turut dikenali sebagai bubu kamban atau *China Prawn Net Trap* yang berleluasa penggunaannya di beberapa negeri di Malaysia.

Ahli Parlimen Kemaman, Che Alias Hamid berkata, kerajaan sepatutnya lebih agresif dalam membanteras isu itu dengan mengenal pasti punca utama ia masih digunakan walaupun telah diharamkan pada 1 November 2018.

"Harga bubu naga yang rendah sekitar RM70 mudah didapati terutama yang menjual secara talian di laman sosial termasuk Facebook.

"Penggunaan bubu naga yang diubah suai melebihi dua injap dan dipasang secara berangkai mengundang impak besar terhadap sumber laut dan ia seharusnya dibendung dengan kadar segera.

"Kerajaan perlu konsisten memberikan pendedahan awal kepada nelayan tentang kesan buruk akibat penggunaan pukut yang diharamkan," katanya di sini semalam.



CHE ALIAS
HAMID

Kg Jelatok tempat asal durian kunyit



Md Anizam Ab Rahman diberi penjelasan asal usul durian kunyit.

Oleh ABU KHALIFAH

TANAH MERAH: Kampung Jelatok merupakan tempat asal durian kunyit akan dipromosikan sehingga ke peringkat global.

Selain itu di kampung tersebut juga terdapat rumah binaan daripada mozek yang menjadi penempatan awal masyarakat Cina Peranakan Kelantan yang melangkaui lebih 100 tahun.

Terdapat juga aktiviti 'kampung walk' di Pulau Raya yang menawar kepada pelancong produk pertanian, penternakan dan penjualan anak-anak pokok.

Pengurus Jelatok Agroedu Farm Tew Khak Hiang berkata, di situ juga terdapat kebun ulam-ulaman dan buah-buahan tempatan.

"Kami turut menawarkan pendidikan pertanian untuk menggalakkan lagi industri pelancongan di Kelantan," katanya ketika lawatan anggota Exco kerajaan negeri Mejar (B) Dato' Md Anizam Ab Rahman baru-baru ini.

Jelatok Agroedu Farm ditubuh pada pertengahan 2018 bagi merangsangkan industri pelancongan berkonsep pertanian dan pendidikan.

Di kampung itu pengunjung berpeluang menghayati suasana kehidupan kampung penduduk Cina Peranakan Kelantan.

Pulau Raya yang terletak kira-kira 1.7 km dari Kampung Jelatok merupakan sebuah pulau yang terletak di tengah-tengah sungai Kelantan.

Khak Hiang juga berkata, sektor pertanian dan pendidikan juga mampu merancakkan lagi industri pelancongan di Kelantan.



Durian kunyit berasal dari Kampung Jelatok Tanah Merah.